

# Umat Islam tak dilarang kejar kemajuan sains

Artikel asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR, Sabtu.**— Islam tidak melarang umatnya mengejar kemajuan sains dan teknologi kerana ia adalah asas terpenting menjamin kemajuan umat.

Hanya melalui sains dan teknologi sajalah manusia berupaya menikmati segala faedah dari sumber alam yang dikurniakan Tuhan."

Demikian tegas Pemangku Menteri Halehwal Masyarakat Republik Singapura, Dr. Ahmad Mattar, dalam Syarahan Kenangan Ungku Omar 1981, anjuran Universiti Kebangsaan Malaysia, di sini hari ini.

Menurut beliau, umat Islam pada keseluruhannya masih terkebelakang dalam pengetahuan sains dan teknologi sedangkan umat bukan Islam, terutamanya negara-negara barat, mencapai tahap kemajuan pesat kerana mereka menguasai pengetahuan ini.

Dengan berpandukan beberapa ayat al-Quran, Dr. Ahmad Mattar me-

nyeru umat Islam menyedari hakikat ini kerana Islam menghendaki umatnya maju.

Katanya, pengetahuan sains dan teknologi ini dipelopori oleh tokoh-tokoh Islam seperti Al-Khuwarizmi, Ommar Al-Khayyam, Al-Haytham dan sebagainya kerana ia dapat membebaskan manusia dari belenggu kemiskinan dan meninggikan taraf hidup mereka.

Menyentuh perkembangan sains dan teknologi di Malaysia, Dr. Ahmad Mattar, memuji langkah Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang begitu mementingkan bidang itu.

Datuk Seri Dr. Mahathir, kata beliau, telah berusaha seberapa daya untuk menghapuskan anggapan bahawa ada pertentangan antara mengejar pengetahuan sains dan mentaati Allah.

"Islam tidak melarang pengikutnya mengejar pengetahuan sains.